



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN  
JALAN AIR PUTIH, 24000 CUKAI, KEMAMAN  
TEL : 09-8597777 FAX : 09 - 8595455

E-mail : [mpkemaman@mpkemaman.gov.my](mailto:mpkemaman@mpkemaman.gov.my) <http://mpk.terengganu.gov.my>

MPK.1279/3/2017/5 - ( 3 )

Tarikh : 15 Januari 2017

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA KERJA**  
**MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN**

**BIL. SEBUTHARGA Q / KEJ / 01 / 2017.**

Tawaran sebutharga kerja adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Gred Pendaftaran G1, Kategori CE dan Pengkhususan Berdaftar CE01/CE21 dan bertaraf Bumiputera sahaja akan diterima di Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman sehingga pukul 12.00 tengahari pada **31.01.2017** sebagaimana berikut :-


**MEMBINA JALAN DI KG. GONG PAUH, CUKAI, MP KEMAMAN**

2. Kontraktor yang mempunyai **Akuan Kebenaran Khas** memasuki tawaran daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Gred Pendaftaran, Kategori, Pengkhususan Berdaftar di atas juga boleh diterima membuat tawaran sebutharga ini dan hendaklah mengemukakan surat tersebut semasa memasuki tawaran ini.
3. Segala butir-butir lanjut dan borang tawaran sebutharga kerja bolehlah didapati pada waktu bekerja di **Kaunter Bersepadu, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman**. Tawaran sebutharga mestilah dibuat di atas borang yang dikhaskan. Di sampul tawaran sebutharga mestilah ditulis keterangan tawaran sebutharga itu seperti yang tersebut di atas.
4. Tawaran sebutharga yang tidak dihantar melalui pos hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Kaunter Bersepadu, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman**. Semua tawaran sebutharga hendaklah sampai sebelum tawaran itu ditutup pada masa yang tersebut di atas.
5. Majlis Perbandaran Kemaman adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah sekali atau mana-mana tawaran.

Sekian, terima kasih.

**"TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU"**  
**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
( MOHD MAZLAN BIN MAMAT )

Pengarah  
Jabatan Kejuruteraan  
b.p. Yang DiPertua  
Majlis Perbandaran Kemaman